

STRATEGI... *Pengurusan Risiko merupakan satu disiplin yang luas merangkumi segala aspek yang berkaitan dengan pengurusan, keselamatan, pengurusan krisis dan bencana serta keselamatan pekerja.*

UUM ONLINE: Terrorisme, Jemaah Islamiah (JI), H1N1 dan isu saman-menyaman dalam kalangan *stakeholder* terhadap universiti sejak kebelakangan ini menggemparkan negara sekali gus menimbulkan pelbagai spekulasi sehingga menjejaskan kredibiliti dan reputasi sesebuah universiti.

Begitu juga dengan apa yang berlaku terhadap syarikat pembuat kereta paling popular di dunia, Toyota yang menggemparkan dunia dengan kekurangan yang wujud dalam pengeluaran produk mereka.

Syarikat itu yang selama ini merasakan amat selesa tiba-tiba menghadapi krisis yang sekali gus memberi impak maksima terhadap kedudukan kewangan, imej dan reputasi mereka sebagai sebuah syarikat automatik dunia yang paling dipercayai selama ini.

Itulah contoh pengurusan krisis yang berlaku di sekeliling kita yang perlu ditangani dengan efektif.

Oleh itu, bidang pengurusan risiko amat penting dalam sesebuah organisasi kerana ia merupakan satu disiplin yang luas merangkumi pengurusan, keselamatan, pengurusan krisis dan bencana serta keselamatan pekerja.

Prof. Dr. Mohd Rasid Hussin daripada UUM College of Business (UUM COB) berkata, bidang pengurusan risiko secara amnya mempunyai dua bahagian penting iaitu Pengurusan Risiko Peribadi yang menjurus kepada individu dan Pengurusan Risiko Organisasi yang berkaitan dengan entiti perniagaan dan perdagangan.

Justeru, kepakaran dalam pengurusan risiko menjadi kriteria utama bagi setiap entiti perniagaan dan perdagangan dalam usaha mengurus pelbagai risiko dalam persekitaran perniagaan global yang semakin kompleks dan mencabar.

Rasid berkata, walaupun organisasi berteraskan pengurusan namun ia tetap perlu menguruskan pelbagai potensi risiko dan krisis dalam usaha menjadi organisasi yang cekap dan berdaya saing.

"Adalah tidak lengkap jika sesebuah organisasi cuba mengurus dan mentadbir dengan hanya memikirkan tentang pengurusan sahaja tanpa mengambil kira aspek risiko dan potensi krisis yang boleh memberikan impak terhadap prestasi dan reputasi organisasi," ujarnya.

Tambah beliau, budaya pengurusan dan pentadbiran tidak lengkap jika tidak wujud budaya pengurusan risiko dan staf yang sedar risiko dalam pekerjaan.

Beliau menambah, dengan mempunyai tadbir urus yang baik (*good governance*) ia tidak semestinya menggambarkan bahawa organisasi mempunyai pengurusan dan pentadbiran yang efisien.

"Ini kerana banyak kemalangan dan kerugian kewangan yang menimpa entiti perniagaan dan organisasi korporat adalah berpunca daripada ketiadaan budaya pengurusan risiko dan warga kerja yang sedar risiko," ujarnya.

Justeru katanya, Universiti Utara Malaysia (UUM) wajar memberi tumpuan serius terhadap bidang pengurusan risiko yang mana UUM adalah perintis dalam Pendidikan Pengurusan Risiko di kalangan Institusi Pengajian Tinggi (IPT) di Malaysia.

Dedikasi dalam bidang itu menyebabkan beliau dilantik sebagai Pengerusi Jawatankuasa Teknikal Standard Pengurusan Risiko ISO-MS-31000 dan mewakili negara di peringkat antarabangsa membabitkan 30 negara yang menggubalnya.

Jelasnya, ISO-31000 yang dilancar oleh ISO Geneva, Switzerland pada November 2009 adalah Standard Pengurusan Risiko yang pertama di dunia yang memberi garis panduan berkaitan dengan amalan terbaik dalam pengurusan risiko.

"Standard Pengurusan Risiko antarabangsa tersebut boleh dijadikan rujukan utama bagi setiap organisasi sama ada entiti korporat, perniagaan, perdagangan atau agensi kerajaan namun yang penting adalah kesediaan pihak pengurusan untuk menerima idea ISO-31000 untuk diterapkan dalam sistem dan proses pengurusan mereka.

"Selaras dengan hasrat itu, kita perlu membangunkan pusat kecemerlangan dalam bidang Pengurusan Risiko sebagai satu *niche area* di UUM yang mana kita menjadi pendulu setelah mempelopori bidang tersebut dengan tenaga akademik dan kepakaran yang sedia ada," tambahnya.

Menurutnya, setakat ini hanya tiga universiti yang aktif dalam bidang pengurusan risiko antaranya UUM, Universiti Teknologi MARA (UiTM) dan Universiti Sultan Zainal Abidin (UniZA).

"Jika UUM dapat terima pakai standard itu, kita pasti menjadi universiti pertama dalam negara justeru, UUM perlu memanfaatkan peluang keemasan ini agar universiti ini akan kekal menjadi pendulu," tambahnya.

Rasid mencatat sejarah apabila menjadi profesor yang pertama di Malaysia dalam bidang pengurusan risiko dan orang pertama di Asia yang mempunyai dua ijazah dalam bidang itu pada peringkat *PhD in Risk Management* dan *Master of Science in Risk Management & Insurance*.

Beliau komited untuk mempertingkatkan prestasi UUM khusus dalam bidang pengurusan risiko dan insurans serta takaful sehingga ke persada antarabangsa seiring dengan hasrat dan aspirasi Naib Canselor untuk menjadikan UUM sebagai sebuah Universiti Pengurusan Terkemuka.

Habis.